

Edisi Januari - Jun 2025

MITASA



Suara

MITASA

*Adab Sebagai Asas
Kecemerlangan Akademik
dan Pembentukan Sahsiyah*

*Biar Wasiat Jadi
Suara Terakhir*

*Merungkai Potensi:
Prestasi Pekerja Dalam
Era Kerja Jarak Jauh*

*Motivasi Diri Berdasarkan
Penilaian Prestasi*

*Cabaran dan Keperluan
Graduan Teknologi
Maklumat Dalam Dunia
Pekerjaan Masa Kini*

*"Selamat Ke Kita Ni?":
Meneroka 'OSH'*

*Kursus Pengurusan Operasi
Perkhidmatan - Membentuk
Insan Adabi Cemerlang*



PERJUANGAN YANG BERTERUSAN

Renovasi Rumah - Lakukan 'Kerja Rumah' Sebelum Memilih Kontraktor

Ir. Ts. Ahmad Idzwan Bin Yusuf

Pensyarah Kanan Pengajian Kejuruteraan Awam

Rumah adalah tempat untuk berehat dan menenangkan fikiran setelah seharian bekerja mencari rezeki. Oleh itu, setiap individu pastinya menginginkan rumah yang selesa dan menarik. Untuk mencapai impian tersebut, pengubahsuaian rumah sering menjadi pilihan, terutamanya bagi mereka yang membeli rumah terus daripada pemaju dan ingin menyesuaikan reka bentuk mengikut cita rasa sendiri. Selain meningkatkan keselesaan, pengubahsuaian rumah juga boleh menjadi satu bentuk pelaburan jangka panjang.

Namun, proses pengubahsuaian bukanlah sesuatu yang mudah. Ia boleh menjadi pengalaman yang menyeronokkan, tetapi pada masa yang sama, pemilik rumah harus bersedia menghadapi pelbagai cabaran yang mungkin timbul sepanjang proses tersebut. Kita sering mendengar pelbagai isu yang dihadapi oleh pemilik rumah semasa melakukan pengubahsuaian, antaranya kos pengubahsuaian yang meningkat melebihi bajet asal, projek mengambil masa lebih lama daripada tempoh yang dijanjikan, kualiti kerja yang tidak memuaskan dan kontraktor menghilangkan diri setelah menerima bayaran tanpa menyiapkan kerja.

Kegagalan dalam memilih kontraktor yang berkelayakan boleh menyebabkan projek terbengkalai, malah pemilik rumah mengalami kerugian besar. Oleh itu, pemilihan kontraktor yang tepat sangat penting bagi memastikan pengubahsuaian berjalan lancar dan hasilnya memuaskan. Sebelum melantik kontraktor, berikut adalah beberapa langkah yang boleh diambil bagi mengelakkan masalah di kemudian hari.

Pertama, dapatkan sebut harga dari beberapa kontraktor. Pastikan anda mendapatkan sekurang-kurangnya tiga sebut harga daripada syarikat kontraktor yang berbeza untuk perbandingan. Jangan mudah tergodanya dengan harga yang terlalu murah, kerana ia mungkin menjejaskan kualiti kerja. Kedua, semak lesen dan pendaftaran kontraktor. Pastikan kontraktor mempunyai lesen perniagaan yang sah serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Kontraktor yang berdaftar lebih dipercayai dan profesional dalam menjalankan kerja mereka. Ketiga, nilai pengalaman dan keupayaan kontraktor. Semak pengalaman kontraktor dalam bidang pengubahsuaian rumah. Pastikan mereka mempunyai tenaga kerja mahir dan sumber yang mencukupi untuk menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Keempat, periksa hasil kerja sebelum ini. Minta untuk melihat projek terdahulu yang pernah disiapkan oleh kontraktor tersebut. Anda juga boleh mendapatkan maklum balas daripada pelanggan mereka sebelum ini untuk menilai tahap kepuasan terhadap hasil kerja.

Bagi memastikan pemilihan kontraktor dibuat dengan adil dan teliti, pemilik rumah boleh menggunakan sistem merit. Berikan markah kepada setiap kontraktor berdasarkan kriteria di atas, dan pilih

kontraktor dengan jumlah markah tertinggi. Kaedah ini dapat membantu membuat keputusan dengan lebih objektif. Selain itu, pemilik rumah harus merancang kewangan dengan bijak. Sebaiknya, sediakan bajet tambahan sebanyak 30 hingga 50 peratus daripada anggaran asal untuk menampung sebarang perubahan atau kejadian tidak dijangka semasa proses pengubahsuaian berlangsung.

Sebagai kesimpulan, pengubahsuaian rumah boleh menjadi satu pelaburan yang berbaloi jika dilakukan dengan perancangan yang betul. Dengan memilih kontraktor yang berkelayakan dan berpengalaman, pemilik rumah dapat mengelakkan masalah yang sering berlaku serta memastikan hasil akhir menepati jangkaan. Rancanglah dengan teliti, buat pilihan yang bijak, dan pastikan rumah impian anda menjadi kenyataan!



THE
STARTING
POINT
OF ALL
ACHIEVEMENT
IS

DESIRE.

- Napoleon Hill